

12/01/2000

Sulaiman sedia pertahan jawatan

JOHOR BAHRU, Selasa - Pengerusi Tetap Umno, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah sedia mempertahankan jawatan yang disandanginya sejak 25 tahun lalu dalam pemilihan parti pada 11 Mei depan, jika dicalonkan semula.

Beliau menduduki kerusi itu selama lapan penggal sejak 1975 dan hanya dua kali bertanding mempertahankan jawatan itu manakala selebihnya dimenangi tanpa bertanding.

Sulaiman yang genap usianya 80 tahun pada 4 Januari lalu, berkata beliau berupaya mengendalikan perhimpunan agung parti itu.

"Jika dicalonkan bahagian dan negeri untuk jawatan Pengerusi Tetap Umno pada tahun ini, saya sedia mempertahankan jawatan yang saya sandang sejak 1975.

"Nampaknya ketika ini, kesihatan saya baik. Ini membolehkan saya mengendalikan perhimpunan agung parti yang terbesar di negara kita tanpa sebarang masalah," ketika ditemui pemberita di rumahnya di sini, hari ini.

Sulaiman menyifatkan pemilihan Umno kali ini bersejarah selepas tiada pemilihan sejak tiga tahun lalu untuk memberi laluan kepada pilihan raya umum.

Sementara itu, katanya, nasihat MT supaya jawatan Presiden dan Timbalannya tidak ditandingi dan diserahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dapat meningkatkan kekuatan dalaman Umno.

"Namun terpulang kepada Umno bahagian sama ada nak ikut nasihat itu atau tidak, tetapi mengikut undang-undang parti kita, sesiapa saja boleh mencalonkan sesiapa dan semua jawatan adalah terbuka untuk ditandingi," katanya.

Pada masa sama, katanya, keputusan Umno Johor untuk tidak mengehadkan jumlah pemimpin Johor yang bertanding jawatan naib presiden, sejajar dengan amalan demokrasi dalam parti.

"Kalau dua tiga orang nak masuk bertanding dia berhak jika cukup syarat dan layak mengikut undang-undang parti, tapi adakah perwakilan negeri akan sokong semua calon kita (Johor)," katanya.

(END)